

LAPORAN PENYELIDIKAN

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEGAGALAN  
PELAJAR DALAM PEPERIKSAAN KURSUS HIFZ AL-  
QURAN : SATU KAJIAN DI DARUL QURAN**

DISEDIAKAN OLEH :

YUSRI BIN CHEK

MUHAMMAD TORIQ BIN YAACOB

PENYELIDIK BERSAMA:

DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM

DARUL QURAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

2016

**LATAR BELAKANG PENYELIDIK**

YUSRI BIN CHEK

MUHAMMAD TORIQ BIN YAACOB

(Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)

USTAZ DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM

(Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris)

ABDUL RAZAK BIN MOHD ZIN

(Pembantu Penyelidik)

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah dan rahmat-Nya Kajian Penyelidikan Darul Quran 2016 siri 2 dapat diselesaikan dengan bertajuk : “*Faktor Yang Mempengaruhi Kegagalan Pelajar Dalam Peperiksaan Kursus Hifz al-Quran: Satu Kajian di Darul Quran*”. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Pengarah Darul Quran, Dr. Hj. Nordin bin Ahmad yang amat memberi perhatian dan kepercayaan dalam memastikan kejayaan projek penyelidikan ini.

Penghargaan dan tahniah juga diucapkan kepada kakitangan Darul Quran yang terlibat dengan kajian ini terutamanya Unit Peperiksaan Darul Quran. Kepada semua kakitangan Darul Quran terutamanya Cawangan Kualiti Pendidikan Tahfiz yang terlibat memberi idea dan kerjasama erat serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim, Pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris selaku Penyelidik Bersama yang turut banyak terlibat secara langsung dalam penganalisan data dan memberi tunjuk ajar dalam menyediakan laporan penuh kajian ini.

Semoga segala usaha yang kita lakukan akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah SWT dan hanya Dia juga tujuan kita melakukan amal ibadah ini.

**PENYELIDIK ;**

Yusri bin Chek  
Muhammad Toriq Bin Yaacob

Disember, 2016

### Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri dan mengenal pasti perbezaan serta melihat hubungan antara markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada semester lepas dan semasa. Kajian ini adalah kajian kes yang melibatkan 46 orang pelajar sesi pengajian akademik November 2015 hingga Februari 2016 yang gagal dalam peperiksaan kursus tersebut. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (*Statistical Packages for Social Science*) yang juga dikenali sebagai SPSS. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor minat dan sikap memperoleh skor min tinggi iaitu masing-masing memperoleh skor min 4.67 dan 4.52. Makala faktor motivasi (skor min = 3.98), faktor kaedah pengajaran guru (skor min = 3.86), faktor komitmen guru (3.85) dan faktor soalan peperiksaan (skor min = 3.49) pula memperoleh skor min sederhana tinggi. Hanya faktor persiapan peperiksaan memperoleh skor min sederhana rendah iaitu 2.91. Kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar pada semester lepas dan semasa. Ujian korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

## KANDUNGAN

<b>1. PENDAHULUAN</b>	<b>3</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Batasan Kajian	9
1.8 Definisi Istilah Kajian	10
<b>2. SOROTAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1 Faktor Minat	12
2.2 Faktor Sikap	12
2.3 Faktor Motivasi	13
2.4 Faktor Kaedah Pengajaran Guru	14
2.5 Faktor Persiapan Peperiksaan	15
2.6 Faktor Soalan Peperiksaan	15
2.7 Faktor Komitmen Guru	16
<b>3. METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>17</b>
3.1 Pendahuluan	17

3.2	Reka Bentuk Kajian	17
3.3	Lokasi Kajian	18
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	18
3.5.	Instrumen Kajian	19
3.6.	Prosedur Pengumpulan Kajian	20
3.7.	Prosedur Penganalisan Data	21
3.8.	Penutup	22
<b>4.</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>22</b>
4.1.	Dapatan Kajian Bahagian Demografi Responden	22
4.2.	Dapatan Bagi Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Pelajar	25
4.3.	Dapatan Analisis Ujian-T Bagi Mengenal Pasti Perbezaan Antara Markah Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri Pelajar Semester Dua dan Empat Pada Semester Lepas dan Semasa	34
4.4.	Dapatan Analisis Ujian Korelasi Bagi Mengenal Pasti Hubungan Antara Markah Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri Pelajar Semester Dua dan Empat Pada Semester Lepas dan Semasa	37

4.5. Dapatan Analisis Ujian Korelasi Bagi Mengenal Pasti Hubungan Antara Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran Dengan Mata

Nilaian Peperiksaan Hifz al-Quran 42

5.	<b>PERBINCANGAN</b>	45
6.	<b>KESIMPULAN</b>	48
7.	<b>CADANGAN</b>	49
8.	<b>RUJUKAN</b>	51

**SENARAI JADUAL**

		Muka Surat
Jadual 1	Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	18
Jadual 2	Interpretasi Hubungan Mengikut Jadual Guilford's Rule of Thumb	19
Jadual 3	Taburan responden kajian berdasarkan jantina, semester, syukbah, mata penilaian Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi, mata penilaian Hifz al-Quran Tahriri, Pengalaman menghafaz al-Quran dan Jenis sekolah menengah terdahulu	20
Jadual 4	Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Konstruk Faktor Mempengaruhi Kegagalan Pelajar Dalam Keputusan Peperiksaan Kursus	

	Hifz al-Quran	22
Jadual 10	Keputusan Analisis Korelasi antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa	36
Jadual 15	Keputusan Analisis Korelasi Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz a-Quran Dengan Mata Nilain Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri	42

Darul Quran Jakim



## 1. PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Al-Quran merupakan kitab yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW. Al-Quran terpelihara sejak dari awal penurunannya sehingga kini. Salah satu cara pemeliharaan tersebut ialah melalui hafazan al-Quran di kalangan umat Islam. Usaha ke arah memelihara al-Quran sentiasa maju berkembang seiring dengan peredaran zaman. Pada peringkat awal, hanya *surah al-fatihah* dan sekitar juzuk *amma* sahaja yang dihafaz oleh umat Islam. Tidak ada lagi institusi pendidikan khusus berkenaan dengan hafazan dibina. Namun, selepas beberapa fasa masa, umat Islam mula melihat kepentingan menghafaz al-Quran di kalangan masyarakat. Bermulalah fasa kewujudan institusi tahfiz yang merintis sistem kurikulum hafazan al-Quran secara rasmi. Di Malaysia, institusi hafazan al-Quran bermula sekitar tahun 1966. Pada tahun tersebut, Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman al-Hajj telah menyatakan hasrat untuk menubuhkan institusi tahfiz di Malaysia (Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid, 2014).

### 1.2 Pernyataan Masalah

Darul Quran merupakan institusi pendidikan tahfiz yang mengutamakan hafazan al-Quran. Antara program pengajian yang ditawarkan Diploma ini merupakan salah

satu program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran, Jakim. Pelajar yang mengikuti program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran ini perlu mengikuti Kursus Hifz al-Quran. Dua hasil pembelajaran daripada kursus ini ialah berkemampuan menguasai hafazan dan berkemampuan mengambil iktibar, menghayati dan mengaplikasikan al-Quran dalam kehidupan kini (Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat, 2014).

Kursus Hifz al-Quran adalah teras dalam sistem pendidikan di Darul Quran. Berkaitan dengan hal tersebut, Hifz al-Quran merupakan proses menghafaz dan mengingat ayat-ayat al-Quran dan mengekalkan ingatan tersebut untuk amalan, bacaan dalam solat dan wirid-wirid. Jika dapat menghafaz keseluruhannya adalah sangat baik. ( Misnan Jemali, Muhd. Akramin & Muhd Nadzir Ibrahim, 2006). Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri merupakan kursus teras yang ditawarkan oleh Darul Quran kepada pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Bahagian Latihan JAKIM (2005) (Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat, 2014).

Walau bagaimanapun, pada sesi akademik November 2015 hingga Februari 2016, seramai 11 orang pelajar semester dua dan seramai 35 orang pelajar semester empat gagal dalam peperiksaan Kursus Hifz al-Quran. Jumlah ini merangkumi 4.6% daripada jumlah keseluruhan pelajar semester dua dan mewakili 16.67% jumlah populasi pelajar semester empat. Populasi pelajar semester dua ialah seramai 235 orang dan populasi pelajar semester empat ialah seramai 210 orang (Unit Peperiksaan Darul Quran, 2016).

Sedangkan proses peperiksaan adalah penting bagi menguji tahap kualiti hafazan pelajar. Bagi meningkatkan daya ingatan kepada al-Quran, hafazan amat memerlukan kepada program khas dan proses tertentu. Ramai di kalangan penghafaz al-Quran mampu menghafaz semasa sesi pengajian tetapi mereka akan lupa selepas sesi pengajian tersebut (Khairul Anuar Mohamad, 2016).

### **1.3 Objektif Kajian**

1.3.1 Menenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri.

1.3.2 Menenal pasti perbezaan antara markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar pada semester lepas dan semasa.

1.3.3 Menenal pasti hubungan markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar pada semester lepas dan semasa.

1.3.4 Menenal pasti hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran.

#### 1.4 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dibina berdasarkan objektif kajian. Hipotesis yang dikaji adalah hipotesis penyelidikan ( $H_a$ ) manakala hipotesis yang diuji adalah hipotesis nul ( $H_0$ ). Dalam kajian ini, markah pelajar semester dua dan empat bagi Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada semester lepas dan semasa adalah dikemukakan. Hipotesis Nul kajian adalah seperti berikut :

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Ho 5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah responden semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah responden semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Ho 7 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah responden semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Ho 8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah responden semester empat dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Ho 9 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi

Ho 10 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri

## **1.5 Soalan Kajian**

1.5.1 Apakah faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri.

1.5.2 Apakah perbezaan antara keputusan peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar pada semester lepas dan semasa.

1.5.3 Apakah hubungan keputusan peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar pada semester lepas dan semasa.

1.5.4 Apakah hubungan antara faktor-faktor mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan markah peperiksaan Hifz al-Quran.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

1.6.1 Kajian ini akan membolehkan pihak institusi pendidikan tahfiz mendapat maklumat berkenaan faktor yang menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam kedua-dua kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri

1.6.2 Kajian ini akan menyediakan maklumat kepada institusi pendidikan tahfiz agar membuat persediaan dan merangka langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam kursus Hifz al-Quran.

1.6.3 Kajian ini akan menyediakan data berkenaan dengan prestasi hafazan pelajar berdasarkan kepada pencapaian mereka dalam peperiksaan bagi kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri.

1.6.4 Kajian ini akan menyediakan maklumat kepada institusi pendidikan tahfiz al-Quran bagi melihat sejauh mana kemampuan pelajar yang menghafaz al-Quran mampu untuk mengekal hafazan mereka dalam tempoh tertentu.

## **1.7 Batasan Kajian**

1.7.1 Kajian ini terhad kepada markah peperiksaan pelajar yang telah dikenal pasti gagal dalam peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri. Pelajar lain tidak termasuk dalam kajian ini.

1.7.2 Kajian ini terhad kepada pelajar gagal yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Darul Quran, Jakim Kuala Kubu Baharu, Selangor sahaja. Pelajar Program pengajian lain adalah tidak terlibat dalam kajian ini.

1.7.3 Kajian ini terhad kepada pelajar gagal yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat di Darul Quran, Jakim Kuala Kubu Baharu, Selangor sahaja. Pelajar yang mengikuti program pengajian yang sama di institusi tahfiz lain tidak termasuk dalam kajian ini.

1.7.4 Kajian ini hanya terhad kepada Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada semester lepas dan semasa sahaja dan tidak melibatkan kajian lebih menyeluruh termasuk markah peperiksaan kedua-dua kursus tersebut pada semester pertama pelajar lagi.

## **1.8 Definisi Istilah Kajian**

Definisi istilah dalam kajian ini adalah melibatkan definisi berkenaan dengan Kursus Hifz al-Quran dan Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran.

### **1.8.1 Kursus Hifz al-Quran**

Hifz al-Quran merupakan proses menghafaz dan mengingat ayat-ayat al-Quran dan mengekalkan ingatan tersebut untuk amalan, bacaan dalam solat dan wirid-wirid. Jika dapat menghafaz keseluruhannya adalah sangat baik. ( Misnan Jemali, Muhd.

Akramin & Muhd Nadzir Ibrahim, 2006). Hifz al-Quran merupakan salah satu kursus teras yang ditawarkan oleh Darul Quran kepada pelajar Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Bahagian Latihan JAKIM (2005) (Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat, 2014).

Merujuk kepada Pro Forma Kursus Hifz al-Quran Syafawi I pelajar akan membaca, meghafal dan mengukuhkan hafalan al-Quran mengikut sukatan yang telah ditetapkan pada setiap semester pengajian Diploma Tahfiz al-Quran Wal Qiraat. Manakala Kursus Hifz al-Quran Tahriri I pula pelajar akan menulis al-Quran mengikut sukatan yang sama (Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat, 2014).

### **1.8.2 Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran**

Kajian ini hanya melibatkan tujuh faktor sahaja yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran. Faktor-faktor tersebut ialah faktor minat, sikap, motivasi, keadah pengajaran guru, persiapan peperiksaan, soalan peperiksaan dan faktor komitmen guru.



#### 4. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah melibatkan analisis kajian kepada soal selidik secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif melibatkan kekerapan, peratus dan sishan piawaian. Manakala analisis inferansi melibatkan ujian-t dan korelasi.

##### 4.1 Dapatan Kajian Bahagian Demografi Responden

Analisis data berkenaan dengan demografi responden adalah dijelaskan dalam Jadual 3.

**Jadual 3 : Taburan responden kajian berdasarkan jantina, semester, syukbah, mata penilaian Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi, mata penilaian Hifz al-Quran Tahriri, Pengalaman menghafaz al-Quran dan Jenis sekolah menengah terdahulu**

Pembolehubah	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	30	65.2%
	Perempuan	16	34.8%
Semester	Dua	11	23.9%
	Empat	35	76.1%
Syukbah	Qiraat	4	8.7%
	Hadis	10	21.7%
	Syariah	7	15.2%
	Dakwah	8	17.4%
	Muamalat	6	13.0%
	Pengurusan Halal	11	23.9%
Mata Penilaian Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi	0.0	12	26.1%
	2.0	6	13.0%
	2.5	8	17.4%
	3.0	10	21.7%
	3.5	7	15.2%
	4.0	3	6.5%
Mata Penilaian Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri	0.0	37	80.4%
	2.0	4	8.7%
	2.5	2	4.3%
	3.0	0	0%
	3.5	3	6.5%
	4.0	0	0%
Pengalaman menghafaz al-Quran sebelum belajar di	Tidak pernah menghafaz	11	23.9%
	30 juzuk	1	2.2%

<b>Pembolehubah</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Darul Quran	Surah-surah pilihan	17	36.9%
	Juzuk 1 - 2	1	2.2%
	Juzuk 1 - 3	1	2.2%
	Juzuk 1 - 5	4	8.7%
	Juzuk 1 - 10	1	2.2%
	Juzuk 1 - 11	1	2.2%
	Juzuk 1 - 15	3	6.5%
	Juzuk 1 - 20	1	2.2%
	Juzuk 1 - 22	1	2.2%
	Juzuk 30 sahaja	2	4.3%
	Juzuk 1,2,29,30	1	2.2%
	Juzuk 1-5 & Juzuk 26 - 30	1	2.2%

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan seramai 30 orang responden adalah di kalangan pelajar lelaki manakala seramai 16 orang pula adalah responden di kalangan pelajar perempuan. Bagi semester pengajian pula, seramai 11 orang pelajar adalah di kalangan pelajar semester dua dan seramai 35 orang pelajar pula adalah daripada pelajar semester empat. Seramai empat orang pelajar adalah daripada Syukbah Qiraat, sepuluh orang daripada Syukbah Hadis, tujuh orang daripada Syukbah Syariah, lapan orang daripada Syukbah Dakwah, enam orang daripada Syukbah Muamalat dan 11 orang daripada Syukbah Pengurusan Halal. Bagi mata penilaian peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pula, seramai 12 orang memperoleh gred 0.0, dua orang memperoleh gred 2.0, lapan orang memperoleh gred 2.5, 10 orang memperoleh gred 3.0, tujuh orang memperoleh gred 3.5 dan tiga orang memperoleh gred 4.0. Bagi mata penilaian peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pula, seramai 37 orang memperoleh gred 0.0, empat orang memperoleh gred 2.0, dua orang memperoleh gred 2.5, tiada responden yang memperoleh gred 3.0, tiga orang memperoleh gred 3.5 dan tiada responden yang memperoleh gred 4.0. Berdasarkan kepada jadual tersebut juga menunjukkan bahawa pengalaman

responden yang menghafaz al-Quran sebelum belajar di Darul Quran adalah seperti berikut ; seramai 11 orang responden tidak mempunyai pengalaman menghafaz al-Quran, 17 orang responden pula mempunyai pengalaman menghafaz surah-surah pilihan dan baki responden mempunyai pengalaman menghafaz beberapa juzuk al-Quran.

#### **4.2 Dapatan Bagi Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Pelajar.**

Dapatan kajian adalah berdasarkan analisis deskriptif terhadap tujuh konstruk yang dinilai iaitu faktor minat, faktor sikap, faktor motivasi, faktor kaedah pengajaran guru, faktor persiapan peperiksaan, faktor soalan peperiksaan, dan faktor komitmen guru. Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis deskriptif bagi konstruk-konstruk tersebut.

**Jadual 4 : Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Konstruk Faktor Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Pelajar Dalam Peperiksaan Kursus Hizf al-Quran**

<b>Bil</b>	<b>Konstruk</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Tahap</b>
1	faktor minat	4.67	0.49	Tinggi
2	faktor sikap	4.52	0.49	Tinggi
3	faktor motivasi	3.98	0.58	Sederhana Tinggi
4	faktor kaedah pengajaran guru	3.86	0.59	Sederhana Tinggi
5	faktor persiapan peperiksaan	2.91	0.65	Sederhana Rendah
6	faktor soalan peperiksaan	3.49	0.73	Sederhana Tinggi
7	faktor komitmen guru	3.85	0.71	Sederhana Tinggi

**Jadual 5 : Nilai Min Dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Item Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Pelajar Dalam Peperiksaan Kursus Hifz al-Quran**

Kod	Item	Min	S.P	Tahap
B1.1	saya berminat untuk menghafaz al-Quran	4.67	.560	Tinggi
B1.2	saya suka suasana pembelajaran hafazan al-Quran	4.72	.584	Tinggi
B1.3	saya akan terus menghafaz sehingga khatam 30 juzuk al-Quran	4.78	.467	Tinggi
B1.4	pembelajaran hafazan al-Quran tidak membosankan	4.61	.577	Tinggi
B1.5	saya seronok menghafaz al-Quran	4.59	.617	Tinggi
B2.1	kelas tasmi' adalah penting bagi saya	4.70	.511	Tinggi
B2.2	saya berazam mendapat markah tinggi dalam ujian hafazan al-Quran	4.63	.610	Tinggi
B2.3	Saya tetap akan hadir ke kelas walaupun guru tiada	4.41	.832	Tinggi
B2.4	saya akan berusaha untuk tasmi' dengan guru setiap hari	4.54	.585	Tinggi
B2.5	saya membuat persediaan menghafaz sebelum kelas bermula	4.35	.766	Tinggi
B3.1	saya yakin untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran	4.52	.781	Tinggi
B3.2	Saya berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan	4.57	.655	Tinggi
B3.3	Saya sentiasa bersemangat untuk menghafaz al-Quran	4.22	.917	Tinggi
B3.4	mendapat keputusan lulus sahaja dalam peperiksaan sudah memadai	2.37	1.062	Tinggi
B3.5	sudah memadai bagi saya jika mampu menghafaz beberapa juzuk al-Quran	2.09	1.007	Tinggi
B3.6	saya sudah berusaha tetapi masih gagal menghafaz	3.04	1.053	Tinggi
B4.1	kaedah pengajaran guru adalah jelas dan mudah difahami	4.30	.662	Tinggi
B4.2	kaedah pengajaran guru mampu menarik minat pelajar	4.15	.816	Tinggi
B4.3	guru perlu mengubah kaedah pengajarannya	2.93	.929	Tinggi
B4.4	bagi saya, kaedah pengajaran guru tidak menarik	2.30	.756	Tinggi
B4.5	kaedah pengajaran guru antara sebab saya gagal dalam peperiksaan	1.89	.948	Tinggi
B5.1	saya membuat persiapan hafazan sejak awal semester	3.17	.973	Tinggi
B5.2	saya hanya membuat persiapan hafazan beberapa hari sebelum peperiksaan	3.15	1.074	Tinggi
B5.3	saya membuat latihan penulisan ayat al-Quran yang telah dihafaz	3.24	1.119	Tinggi

Kod	Item	Min	S.P	Tahap
B5.4	saya membuat <i>murajaah</i> bagi semua ayat yang telah dihafaz	3.22	1.009	Tinggi
B5.5	saya memberi tumpuan <i>murajaah</i> bagi awal surah, maqra' dan juzuk sahaja	4.04	.815	Tinggi
B5.6	saya membuat latihan ujian syafawi dengan rakan-rakan	3.35	1.059	Tinggi
B6.1	soalan peperiksaan syafawi sukar	3.04	1.010	Tinggi
B6.2	soalan peperiksaan syafawi berbeza dengan ramalan awal saya	3.13	1.087	Tinggi
B6.3	aras soalan peperiksaan syafawi adalah tinggi	2.87	1.024	Tinggi
B6.4	soalan peperiksaan tahriri sukar	3.96	1.192	Tinggi
B6.5	soalan peperiksaan tahriri berbeza dengan ramalan awal saya	3.98	1.202	Tinggi
B6.6	aras soalan peperiksaan tahriri adalah tinggi	3.70	1.263	Tinggi
B6.7	saya gagal menjawab soalan peperiksaan kerana saya tidak menguasai hafazan	3.76	1.037	Tinggi
B7.1	guru datang ke kelas tepat pada masanya	3.98	.745	Tinggi
B7.2	guru melakukan ujian bagi hafazan di dalam kelas	4.09	.890	Tinggi
B7.3	guru tidak membenarkan saya tasmi' tanpa buku tahriri	3.61	1.390	Tinggi
B7.4	guru akan memberi panduan kepada saya tentang kaedah penulisan buku tahriri	3.93	1.020	Tinggi
B7.5	guru memantau aktiviti murajaah saya	3.78	1.009	Tinggi
B7.6	guru mengambil tindakan jika saya tidak tasmi' atau murajaah	3.76	1.099	Tinggi

#### 4.2.1 Faktor Minat

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan lima item bagi mengenal pasti minat responden terhadap kursus Hifz al-Quran. Bagi item pertama, responden diminta untuk menjelaskan tentang minat mereka dalam menghafaz al-Quran iaitu “saya berminat untuk menghafaz al-Quran”. Item ini mendapat skor min 4.67. Bagi item kedua iaitu “Saya berusaha untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 4.57. Manakala item ketiga

iaitu “saya akan terus menghafaz sehingga khatam 30 juzuk al-Quran”, skor min yang diperoleh ialah 4.78. Item keempat iaitu “pembelajaran hafazan al-Quran tidak membosankan” memperoleh skor 4.61 dan item terakhir memperoleh skor min sebanyak 4.59 iaitu item “saya seronok menghafaz al-Quran”. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk minat ini juga menunjukkan bahawa responden mempunyai minat yang tinggi dalam menghafaz al-Quran. Justeru, faktor minat merupakan faktor tertinggi yang mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar. Ini berdasarkan kepada jumlah skor min bagi konstruk minat yang diperoleh iaitu 4.67.

#### **4.2.2 Faktor Sikap**

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan lima item bagi mengenal pasti sikap responden terhadap kursus Hifz al-Quran. Bagi item pertama, responden diminta untuk menjelaskan tentang sikap mereka terhadap kelas tasmi' iaitu “kelas tasmi' adalah penting bagi saya”. Item ini mendapat skor min 4.70. Bagi item kedua iaitu “saya berazam mendapat markah tinggi dalam ujian hafazan al-Quran”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 4.63. Manakala item ketiga iaitu “Saya tetap akan hadir ke kelas walaupun guru tiada”, skor min yang diperoleh ialah 4.41. Item keempat iaitu “saya akan berusaha untuk tasmi' dengan guru setiap hari ” memperoleh skor 4.54 dan item terakhir memperoleh skor min sebanyak 4.35 iaitu item “saya membuat persediaan menghafaz sebelum kelas bermula”. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk sikap ini juga menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap yang baik dalam menghafaz al-Quran. Justeru, faktor sikap berada pada tahap yang tinggi dengan min 4.52.

### 4.2.3 Faktor Motivasi

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan lima item bagi mengenal pasti motivasi responden terhadap kursus Hifz al-Quran. Bagi item pertama, responden diminta untuk menjelaskan tentang motivasi mereka bagi menghafaz 30 juzuk al-Quran iaitu “saya yakin untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran”. Item ini mendapat skor min 4.52. Bagi item kedua iaitu “saya berazam mendapat markah tinggi dalam ujian hafazan al-Quran”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 4.57. Manakala item ketiga iaitu “Saya sentiasa bersemangat untuk menghafaz al-Quran”, skor min yang diperoleh ialah 4.22. Item seterusnya dikemukakan dalam bentuk negatif. item tersebut ialah item keempat, lima dan enam. Item keempat menyatakan “mendapat keputusan lulus sahaja dalam peperiksaan sudah memadai ” memperoleh skor 2.37 dan item seterusnya memperoleh skor min sebanyak 2.09 iaitu item “sudah memadai bagi saya jika mampu menghafaz beberapa juzuk al-Quran”. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk motivasi ini juga menunjukkan bahawa faktor mempunyai motivasi skor min pada tahap sederhana tinggi iaitu sebanyak 3.98.

### 4.2.4 Faktor Kaedah Pengajaran Guru

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan lima item bagi mengenal pasti kaedah pengajaran guru. Bagi item pertama, responden memohon pandangan tentang kaedah pengajaran guru jelas dan difahami atau sebaliknya. Item ini mendapat skor min 4.30. Bagi item kedua iaitu “kaedah pengajaran guru mampu

menarik minat pelajar”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 4.15. Manakala item ketiga iaitu “guru perlu mengubah kaedah pengajarannya”, skor min yang diperoleh ialah 2.93. Item negatif ini menunjukkan bahawa guru tidak perlu mengubah kaedah pengajaran berdasarkan keputusan skor tersebut. Begitu juga item keempat yang dibina dalam bentuk negatif bagi mengenal pasti pendapat responden tentang kaedah pengajaran guru sama ada menarik atau tidak. Item ini mendapat skor sebanyak 2.30 yang menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru sedia ada adalah pada tahap yang baik. Item kelima pula ialah “kaedah pengajaran guru antara sebab saya gagal dalam peperiksaan” juga merupakan item negatif yang memperoleh skor min 1.89. Ini menunjukkan bahawa responden mengakui bahawa kaedah pengajaran guru bukan merupakan faktor kegagalan mereka. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk kaedah pengajaran guru ini juga menunjukkan bahawa kaedah pengajaran mempunyai skor min sederhana tinggi iaitu 3.86.

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan enam item bagi mengenal pasti persiapan peperiksaan pelajar. Bagi item pertama, responden dipohon untuk menyatakan status persiapan hafazan mereka adalah dilakukan sejak di awal semester. Item ini mendapat skor min 3.17. Bagi item kedua iaitu “saya hanya membuat persiapan hafazan beberapa hari sebelum peperiksaan”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 3.15. Manakala item ketiga iaitu “saya membuat latihan penulisan ayat al-Quran yang telah dihafaz”, skor min yang diperoleh ialah 3.24. Responden juga diminta untuk menjelaskan aktiviti murajaah sama ada murajaah



tersebut merangkumi semua ayat yang telah dihafaz atau terhad kepada awal surah, juzuk dan maqra' sahaja. item yang menunjukkan bahawa pelajar melakukan murajaah bagi semua ayat yang dihafaz hanya 3.22 skor min berbanding skor min yang diperoleh bagi aktiviti murajaah yang terhad kepada awal surah, juzuk dan maqra' sahaja iaitu sebanyak 4.04. Responden juga diminta untuk menjelaskan persiapan peperiksaan mereka dengan melakukan aktiviti pengujian syafawi dengan rakan-rakan mereka dan hasilnya, item ini memperoleh skor min sebanyak 3.35. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk persiapan peperiksaan ini juga menunjukkan bahawa faktor persiapan peperiksaan memperoleh skor min pada tahap sederhana rendah dengan nilai skor sebanyak 2.91.

#### **4.2.5 Faktor Persiapan Peperiksaan**

Berdasarkan kepada 5, kajian ini menyenaraikan enam item bagi mengenal pasti persiapan peperiksaan pelajar. Bagi item pertama, responden dipohon untuk menyatakan status persiapan hafazan mereka adalah dilakukan sejak di awal semester. Item ini mendapat skor min 3.17. Bagi item kedua iaitu “saya hanya membuat persiapan hafazan beberapa hari sebelum peperiksaan”, skor min yang diperoleh ialah sebanyak 3.15. Manakala item ketiga iaitu “saya membuat latihan penulisan ayat al-Quran yang telah dihafaz”, skor min yang diperoleh ialah 3.24. Responden juga diminta untuk menjelaskan aktiviti murajaah sama ada murajaah tersebut merangkumi semua ayat yang telah dihafaz atau terhad kepada awal surah, juzuk dan maqra' sahaja. item yang menunjukkan bahawa pelajar melakukan murajaah bagi semua ayat yang dihafaz hanya 3.22 skor min berbanding skor min

yang diperoleh bagi aktiviti murajaah yang terhad kepada awal surah, juzuk dan maqra' sahaja iaitu sebanyak 4.04. Responden juga diminta untuk menjelaskan persiapan peperiksaan mereka dengan melakukan aktiviti pengujian syafawi dengan rakan-rakan mereka dan hasilnya, item ini memperoleh skor min sebanyak 3.35. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk persiapan peperiksaan ini juga menunjukkan bahawa faktor persiapan peperiksaan memperoleh skor min sederhana rendah iaitu dengan nilai skor min sebanyak 2.91.

#### **4.2.6 Faktor Soalan Peperiksaan**

Berdasarkan kepada Jadual 5, kajian ini menyenaraikan tujuh item bagi mengenal pasti faktor soalan peperiksaan. Bagi item pertama dan keempat, responden diminta untuk memberi pandangan mereka tentang tahap kesukaran soalan peperiksaan syafawi dan tahriri. Kedua-dua item ini memperoleh skor sebanyak 3.04 dan 3.96. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa responden berpendapat soalan tahriri lebih sukar berbanding soalan syafawi. Bagi mengetahui padangan responden tentang aras soalan bagi kedua-dua soalan syafawi dan tahriri, item ketiga dan keenam dikemukakan. Skor min bagi kedua-dua item ini menunjukkan bahawa responden bersetuju aras soalan tahriri lebih tinggi berbanding aras soalan syafawi. Ini kerana skor min bagi aras soalan syafawi memperoleh sebanyak 2.87 manakala skor min bagi soalan tahriri ialah 3.70. Item kedua dan kelima pula dikemukakan bagi mengetahui ketepatan soalan peperiksaan syafawi dan tahriri berbanding dengan ramalan responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa soalan peperiksaan tahriri lebih berbeza daripada jangkaan mereka berbanding soalan peperiksaan syafawi. ini

berdasarkan kepada skor min yang diperoleh bagi ramalan responden bagi soalan peperiksaan syafawi ialah 3.13 manakala ramalan responden bagi soalan peperiksaan tahriri ialah 3.98. Item ketujuh pula, responden diminta untuk menjelaskan adakah faktor kegagalan mereka menjawab soalan peperiksaan adalah disebabkan ketidakupayaan mereka menguasai hafazan. Skor min bagi item ini ialah 3.76 yang memberi indikasi sebaliknya bagi konstruk soalan peperiksaan bahawa antara faktor penyumbang kepada kegagalan pelajar menjawab soalan peperiksaan adalah disebabkan oleh kegagalan mereka menguasai hafazan dan bukan disebabkan oleh faktor soalan peperiksaan. Dapatan daripada skor min-skor min bagi konstruk soalan peperiksaan ini juga menunjukkan bahawa faktor soalan peperiksaan memperoleh skor min sederhana tinggi iaitu 3.49.

#### **4.2.7 Faktor Komitmen Guru**

Berdasarkan kepada Jadual 5, item-item berkenaan dengan komitmen guru dikemukakan kepada responden. Responden dimohon untuk memberi pandangan berkenaan dengan kehadiran guru mereka datang ke kela. Skor min bagi item ini ialah 3.98. Manakala skor min bagi item kedua yang ingin mendapat maklum balas berkenaan dengan komitmen guru mereka melaksanakan ujian hafazan di dalam kelas. Item ini memperoleh skor min sebanyak 4.09. Bagi item “guru tidak membenarkan saya tasmi’ tanpa menggunakan buku tahriri” pula memperoleh skor min sebanyak 3.61. bagi item “guru akan memberi panduan kepada saya tentang kaedah penulisan buku tahriri” mendapat skor min 3.93. Item “guru memantau aktiviti murajaah saya” memperoleh skor min 3.78 dan item terakhir iaitu “guru

mengambil tindakan jika saya tidak tasmi' atau murajaah" memperoleh skor 3.76. Skor min bagi konstruk faktor komitmen guru pula ialah 3.85.

### **4.3 Dapatan Analisis Ujian-T Bagi Mengenal pasti Perbezaan Antara Markah Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri Pelajar Semester Dua dan Empat Pada Semester Lepas dan Semasa.**

Ujian-t terhadap markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar semester dua dan empat pada semester lepas dan semasa adalah bertujuan untuk melihat perbezaan skor min yang diperoleh oleh kedua-dua kumpulan pelajar pada semester-semester tersebut. Jadual 6 hingga 9 berikut menunjukkan keputusan ujian-t bagi markah peperiksaan pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

#### **4.3.1 Perbezaan Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa.**

Analisis perbezaan markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 6.

**Jadual 6 : Ujian-t Berpasangan Bagi Perbezaan Antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa.**

Ujian	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	t	df	p
SEMASA	11	48.00	7.376	-8.015	10	.000
LEPAS	11	77.00	9.220			

\* Aras signifikan <0.05

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Jadual 6 menunjukkan perbezaan skor min markah pelajar semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Skor min bagi semester lepas lebih tinggi iaitu sebanyak 77.00. Manakala skor min bagi semester semasa ialah sebanyak 48.00. Keputusan Ujian-t ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa berdasarkan kepada nilai  $p = 0.000$  ( $t = -8.015$ ,  $df = 10$ ,  $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

#### 4.3.2 Perbezaan Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa.

Analisis perbezaan markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 7.

**Jadual 7 : Ujian-t Berpasangan Bagi Perbezaan Antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan semasa**

Ujian	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	t	df	p
SEMASA	11	59.73	17.407	-2.797	10	.019
LEPAS	11	70.64	13.603			

\* Aras signifikan  $< 0.05$

$H_0$  2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Jadual 7 menunjukkan perbezaan skor min markah pelajar semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahiri pada semester lepas dan semasa. Skor min bagi semester lepas lebih tinggi iaitu sebanyak 70.64. Manakala skor min bagi semester semasa ialah sebanyak 59.73. Keputusan Ujian-t ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-

Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa berdasarkan kepada nilai  $p = 0.019$  ( $t = -2.797$ ,  $df = 10$ ,  $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

#### 4.3.3 Perbezaan Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa.

Analisis perbezaan markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 8.

**Jadual 8 : Ujian-t Berpasangan Bagi Perbezaan Antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa**

Ujian	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	t	df	p
SEMASA	35	67.23	12.959	-3.940	34	.000
LEPAS	35	78.03	13.382			

\* Aras signifikan  $< 0.05$

$H_0$  3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Jadual 8 menunjukkan perbezaan skor min markah pelajar semester empat dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Skor min bagi semester lepas lebih tinggi iaitu sebanyak 78.03. Manakala skor min bagi semester semasa ialah sebanyak 67.23. Keputusan Ujian-t ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa berdasarkan kepada nilai  $p = 0.000$  ( $t = -3.940$ ,  $df = 34$ ,  $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

#### 4.3.4 Perbezaan Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa.

Analisis perbezaan markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 9.

**Jadual 9 : Ujian-t Berpasangan Bagi Perbezaan Antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester lepas dan semasa**

Ujian	Frekuensi (n)	Min	Sisihan Piawai	t	df	p
SEMASA	35	46.54	6.437	-10.863	34	.000
LEPAS	35	71.83	12.625			

\* Aras signifikan <0.05

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Jadual 9 menunjukkan perbezaan skor min markah pelajar semester empat dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Skor min bagi semester lepas lebih tinggi iaitu sebanyak 71.83. Manakala skor min bagi semester semasa ialah sebanyak 46.54. Keputusan Ujian-t ini juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa berdasarkan kepada nilai  $p = 0.000$  ( $t = -10.863$ ,  $df = 34$ ,  $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis null adalah ditolak.

#### **4.4 Dapatan Analisis Ujian Korelasi Bagi Mengenal Pasti Hubungan Antara Markah Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri Pelajar Semester Dua dan Empat Pada Semester Lepas dan Semasa**

Ujian korelasi terhadap markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar gagal pada semester lepas dan semasa telah dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua keputusan peperiksaan tersebut pada kedua-dua semester yang berbeza. Jadual 10 hingga 13 berikut menunjukkan keputusan ujian korelasi bagi markah peperiksaan pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

##### **4.4.1 Hubungan Antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa.**

Analisis hubungan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 10.



**Jadual 10: Keputusan Analisis Korelasi antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa**

PEPERIKSAAN	Syafawi Lepas	Syafawi Semasa
Syafawi Lepas		
Pearson Correlation	1	-.034
Sig. (2-tailed)		.921
N	11	11
Syafawi Semasa Pearson		
Correlation	-.034	1
Sig. (2-tailed)	.921	
N	11	11

Ho 5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa

Jadual 10 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi markah peperiksaan pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa nilai signifikan ialah 0.912. Oleh kerana nilai  $p$  lebih besar daripada 0.05, ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Justeru Hipotesis Null diterima.

#### **4.4.2 Hubungan Antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa.**

Analisis hubungan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 11.

**Jadual 11 : Keputusan Analisis Korelasi antara Markah Pelajar Semester Dua Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa**

PEPERIKSAAN	Tahriri Semasa	Tahriri Lepas
Tahriri Semasa		
Pearson Correlation	1	.677
Sig. (2-tailed)		.022
N	11	11
Tahriri Lepas		
Pearson Correlation	.677	1
Sig. (2-tailed)	.022	
N	11	11

Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa

Jadual 11 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi markah peperiksaan pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi markah peperiksaan pelajar semester dua bagi peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan pada semester semasa ialah 0.022. Oleh kerana nilai  $p$  lebih kecil daripada 0.05, maka dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester dua dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa. Justeru Hipotesis Null ditolak. Manakala nilai indeks korelasi pula ialah  $r = 0.677$  yang menunjukkan hubungan positif yang kuat.

#### 4.4.3 Hubungan Antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa.

Analisis hubungan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 12.

**Jadual 12 : Keputusan Analisis Korelasi Antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi Pada Semester Lepas dan Semasa**

PEPERIKSAAN	Syafawi Semasa	Syafawi Lepas
Syafawi Semasa		
Pearson Correlation	1	.242
Sig. (2-tailed)		.160
N	35	35
Syafawi Lepas		
Pearson Correlation	.242	1
Sig. (2-tailed)	.160	
N	35	35

Ho 7 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa

Jadual 12 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi markah responden semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa nilai signifikan ialah 0.160.

Oleh sebab nilai  $p$  lebih besar daripada 0.05, maka dapatan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Justeru Hipotesis Null diterima.

#### 4.4.4 Hubungan Antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa.

Analisis hubungan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa adalah berdasarkan kepada jadual 13.

**Jadual 13 : Keputusan Analisis Korelasi antara Markah Pelajar Semester Empat Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri Pada Semester Lepas dan Semasa**

PEPERIKSAAN	Tahriri Semasa	Tahriri Lepas
Tahriri Semasa		
Pearson Correlation	1	.069
Sig. (2-tailed)		.694
N	35	35
Tahriri Lepas		
Pearson Correlation	.069	1
Sig. (2-tailed)	.694	
N	35	35

Ho 8 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz Al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa

Jadual 13 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi markah peperiksaan pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa nilai signifikan ialah 0.069. Oleh kerana nilai  $p$  lebih besar daripada 0.05, ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri lepas dan semasa. Justeru Hipotesis Null diterima.

#### **4.5 Dapatan Analisis Ujian Korelasi Bagi Mengenal Pasti Hubungan Antara Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran Dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran.**

Ujian korelasi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan tersebut telah dilakukan bagi mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran. Ujian ini melibatkan dua ujian. Ujian pertama ialah ujian korelasi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi. Ujian kedua melibatkan ujian korelasi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri. Jadual 14 dan 15 berikut menunjukkan keputusan ujian korelasi tersebut.

##### **4.5.1 Hubungan Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz a-Quran Dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi**

Analisis hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz a-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi adalah berdasarkan kepada jadual 14.

**Jadual 14 : Keputusan Analisis Korelasi Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz a-Quran Dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi**

Peperiksaan/Faktor	Pearson Correlation	Sig. (2.tailed)	N
Syafawi	1		46
Minat	-0.058	0.700	46
Sikap	0.082	0.587	46
Motivasi	-0.112	0.460	46
Pengajaran Guru	0.135	0.369	46
Persiapan Peperiksaan	-0.124	0.413	46
Soalan Peperiksaan	0.751	0.000	46
Komitmen Guru	0.117	0.439	46

Ho 9 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi

Jadual 14 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi ialah faktor soalan peperiksaan. Ini berdasarkan  $p$  lebih kecil daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor soalan peperiksaan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi. Nilai  $r = 0.751$  menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang kuat antara faktor soalan peperiksaan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi. Faktor-faktor lain tidak mempunyai hubungan yang signifikan berdasarkan nilai  $p$  lebih besar daripada 0.05.

#### 4.5.2 Hubungan Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz a-Quran Dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri

Analisis hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz a-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri adalah berdasarkan kepada jadual 15.

**Jadual 15 : Keputusan Analisis Korelasi Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz a-Quran Dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri**

Peperiksaan/Faktor	Pearson Correlation	Sig. (2,tailed)	N
Tahriri	1		46
Minat	0.205	0.172	46
Sikap	0.135	0.370	46
Motivasi	0.390	0.007	46
Pengajaran Guru	-0.174	0.248	46
Persiapan Peperiksaan	0.080	0.595	46
Soalan Peperiksaan	0.823	0.000	46
Komitmen Guru	-0.234	0.117	46

Ho 10 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri

Jadual 15 menunjukkan nilai indeks korelasi bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan peperiksaan Hifz al-Quran dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri. Dapatan daripada analisis ini menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri ialah faktor motivasi dan soalan peperiksaan. Ini berdasarkan  $p$  lebih kecil daripada 0.05 terdapat kedua-dua faktor ini. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan soalan peperiksaan dengan

mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri. Nilai  $r = 0.390$  bagi faktor motivasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang lemah antara faktor motivasi dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri. Manakala nilai  $r = 0.823$  bagi faktor soalan peperiksaan menunjukkan bahawa terdapat hubungan korelasi yang sangat kuat antara faktor soalan peperiksaan dengan mata nilai peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri. Faktor-faktor lain tidak mempunyai hubungan yang signifikan berdasarkan nilai  $p$  lebih besar daripada 0.05.

Darul Quran Jakim



## **2. PERBINCANGAN**

### **5.1 Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar adalah faktor minat dan sikap. Ini berdasarkan kedua-dua faktor ini memperoleh skor min yang tinggi iaitu masing-masing 4.67 dan 4.52. Manakala faktor yang memperoleh skor min sederhana tinggi ialah faktor motivasi, faktor kaedah pengajaran guru, faktor komitmen guru dan faktor soalan peperiksaan. Manakala hanya faktor persiapan peperiksaan memperoleh skor min sederhana rendah. Ini disokong oleh kajian yang dikemukakan oleh Mohammad Marzuqi Abd Rahim (2016) yang mendapati 98.7% responden menyatakan setuju dan sangat setuju dengan pernyataan berkenaan dengan minat mereka kepada mata pelajaran hafazan al-Quran.

### **5.2 Perbezaan Antara Keputusan Peperiksaan Hifz Al-Quran Syafawi Dan Tahriri Pelajar Pada Semester Lepas Dan Semasa**

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara markah peperiksaan pelajar semester dua dan semester empat dalam Peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri antara semester lepas dan semasa. Purata markah pelajar pada semester semasa lebih rendah berbanding purata markah yang diperoleh pelajar pada semester lepas. Ini menunjukkan

prestasi bagi kedua-dua kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pelajar semakin menurun. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dikemukakan oleh Mohammad Marzuqi Abd Rahim (2016) yang mendapati seramai 5.8% responden yang menduduki peperiksaan Diploma sesi September 2014 telah gagal dalam peperiksaan Syafawi al-Quran dan seramai 13.30% pula gagal dalam peperiksaan Tahriri al-Quran.

### **5.3 Hubungan Keputusan Peperiksaan Hifz Al-Quran Syafawi Dan Tahriri Pelajar Pada Semester Lepas Dan Semasa**

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara markah peperiksaan bagi pelajar semester dua dan empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa. Begitu juga dengan markah peperiksaan bagi pelajar semester empat dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa.

Walau bagaimanapun dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi markah peperiksaan pelajar semester dua dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri pada semester lepas dan semasa. Ini menunjukkan bagi pelajar semester dua, kemahiran lepas mereka dalam penulisan al-Quran mempunyai hubungan yang kuat dalam menentukan kemahiran menulis al-Quran pada masa hadapan. Mereka juga berkemungkinan menghadapi masalah tidak menguasai hafazan pada semester lepas dan pada semester semasa sehingga mendorong

mereka untuk tidak memperoleh markah yang baik dalam peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri di kedua-dua semester. Ini disokong oleh kajian yang dikemukakan oleh Mohammad Marzuqi Abd Rahim (2016) yang mendapati bahawa sebanyak 50 calon (7.5%) yang gagal dalam peperiksaan Tahriri al-Quran berbanding peperiksaan Syafawi al-Quran. Walaupun mempunyai minat, sikap dan bermotivasi tinggi, di samping peranan guru yang tinggi, mereka masih lagi kurang mampu untuk mengatasi masalah ini. Hanya satu faktor yang mempunyai potensi penyumbang kepada keadaan mereka ini ialah faktor persiapan peperiksaan. Mereka mungkin tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk melakukan mengemaskini hafazan mereka sebelum menduduki peperiksaan. Faktor persiapan dilihat agak relevan dengan kajian ini yang menunjukkan faktor ini memperoleh skor min sederhana rendah iaitu sebanyak 2.91. Namun, aspek kemahiran menulis al-Quran adalah lebih tepat berbanding aspek penguasaan hafazan kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan hanya markah peperiksaan Hifz al-Quran Tahriri sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan manakala ujian korelasi terhadap markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan. Jika aspek penguasaan hafazan lebih tepat, ujian korelasi terhadap markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi mungkin menunjukkan terhadap hubungan yang signifikan antara markah peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi pada semester lepas dan semasa.

#### **5.4 Hubungan Antara Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Peperiksaan Hifz al-Quran dengan Mata Nilai Peperiksaan Hifz al-Quran Pelajar**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor motivasi dan faktor soalan peperiksaan mempunyai hubungan yang positif dengan mata nilai peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Syafawi. Faktor soalan peperiksaan mempunyai hubungan yang kuat berbanding faktor motivasi. Faktor soalan peperiksaan memperoleh nilai  $r = 0.751$  manakala faktor motivasi memperoleh nilai  $r = 0.460$ . Selain itu, Faktor soalan peperiksaan juga mempunyai hubungan positif yang kuat ( $r = 0.823$ ) dengan mata nilai peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Tahiri. Ini menunjukkan bahawa bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi, faktor motivasi dan soalan peperiksaan adalah penting untuk mereka lebih berjaya dalam peperiksaan. Bagi Kursus Hifz al-Quran Tahiri pula, faktor soalan peperiksaan sahaja yang penting untuk meningkatkan prestasi mereka.

#### **6. KESIMPULAN**

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar amat berminat dengan Kursus Hifz al-Quran. Mereka juga berada pada tahap motivasi yang baik untuk mempelajari kursus ini. Ini ditunjukkan oleh sikap mereka terhadap kursus Hifz al-Quran ini. Begitu juga faktor kaedah pengajaran guru dan komitmen guru. Guru-guru telah berjaya melaksanakan tugas mereka dengan baik. Walau bagaimanapun faktor

persiapan peperiksaan perlu diberi perhatian kerana perlukan tempoh persiapan yang cukup untuk mereka mengukuhkan hafazan mereka sebagai persiapan menduduki peperiksaan tersebut.

Prestasi peperiksaan pelajar bagi kedua-dua kursus ini terbukti lebih rendah pada semester semasa berbanding semester lepas. Keadaan ini harus diberi perhatian dan tindakan sewajarnya harus dirancang. Antara Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri, ternyata pelajar lebih bermasalah untuk berhadapan dengan peperiksaan Kursus Hifz al-Quran Tahriri. Aspek kemahiran penulisan dan keupayaan mengekalkan hafazan harus diberi perhatian agar mereka mendapat keputusan peperiksaan yang lebih baik. Selain itu, faktor soalan kajian dilihat lebih dominan dalam mempengaruhi prestasi pelajar dalam peperiksaan berbanding dengan faktor-faktor lain.

## **7. CADANGAN**

Kajian ini memberi gambaran bahawa faktor kegagalan pelajar dalam Peperiksaan Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan dikemukakan seperti berikut :

7.1. Pemantauan berkala berkenaan dengan proses Pengajaran Dan Pembelajaran bagi kedua-dua kursus ini. Ini bagi memastikan proses tasmi' pelajar berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan. Ini membolehkan pelajar dapat

menamatkan sukatan hafazan mengikut jadual dan memberi masa kepada mereka untuk melakukan aktiviti ulang kaji hafazan.

7.2 Program persiapan akhir sebelum peperiksaan juga boleh dilaksanakan dengan tersusun bagi menyediakan program khas kepada pelajar untuk melaksanakan aktiviti ulang kaji hafazan.

7.3 Satu kaedah ulang kaji hafazan perlu diketengahkan dan dilaksanakan dengan penuh komitmen bagi memastikan pelajar dipandu aktiviti ulangkaji hafazan mereka mengikut satu kaedah khas.

7.4 Satu kerjasama dengan Unit Kaunseling perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar diberikan motivasi yang cukup dan sesuai untuk menduduki peperiksaan.

7.5 Sistem penyediaan soalan peperiksaan perlu dikemaskini dan dirancang dengan lebih tersusun. Aspek penentuan soalan peperiksaan mengikut aras dan skema adalah penting untuk diketengahkan. Ini termasuklah dengan mewujudkan Jadual Penentuan Ujian (JPU) al-Quran dan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).

## RUJUKAN

- Abu Zahari Abu Bakar (1987). *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Rizal Bin Madar, Nurul Akmar Binti Kamaruddin & Saifullizam bin Puteh.(2005). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan Di Politeknikpoliteknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Prosiding Seminar Pendidikan JPPG 2005. di ambil melalui laman sesawang [Http://Eprints.Uthm.Edu.My/2748/1/Faktor-Faktor\\_Yang\\_Mempengaruhi\\_Pencapaian\\_Pelajar.Pdf](Http://Eprints.Uthm.Edu.My/2748/1/Faktor-Faktor_Yang_Mempengaruhi_Pencapaian_Pelajar.Pdf) pada 29 Disember 2016.
- Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail.(2010).*Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia*. Proceedings of The 4<sup>th</sup> International Conference on Teacher Education; Joint Conference UPI & UPSI.Bandung, Indonesia , 8-10 November 2010.
- Ames, C. 1992. *Classroom Goals, Structures, and Student Motivation*. Journal of Educational Psychology, Vol. 84(3), 261-271.
- Ames, C., & Ames, R. 1989. *Research in Motivation in Education*. San Diego: Academic Press.
- Arsaythamby Veloo & Shamsuddin Muhammad.(2011). *Hubungan Sikap, Kebimbangan Dan Tabiat Pembelajaran Dengan Pencapaian Matematik Tambahan*. Asia Paciic Journal of Educators and Education, Vol. 26, No. 1, 15–32, 2011. di ambil daripada laman sesawang [http://web.usm.my/education/publication/APJEE\\_26\\_02\\_Arsaythamby%20\(15-32\).pdf](http://web.usm.my/education/publication/APJEE_26_02_Arsaythamby%20(15-32).pdf) pada 28 disember 2016.

Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali.(2013).*Latar Belakang Guru Tahfiz dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz al- Quran di Malaysia*.The Online Journal of Islamic Education, Januari 2013,Vol. 1 issue 1. retrieved form

[http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published\\_article/4455/Article%203%20Vol.%201,%20Issue%201.pdf](http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/4455/Article%203%20Vol.%201,%20Issue%201.pdf) on 6 September 2015.

Baharin Abu, Othman Md Johan,Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar.(2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. Universiti Teknologi Malaysia. Johor.

Benedict Clement D'silva.(2003). Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pekali Kesahan Ramalan Kertas-Kertas Sains Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 5 Di Daerah Port Dickson. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan*. diambil daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2003/benedictMPRMkk.pdf> pada 20 Jun 2016. Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Chua Yan Piaw.(2006).*Kaedah Penyelidikan*.Kuala Lumpur.Mc Graw Hill.

Ghazali Yusri, and Nik Mohd Rahimi, and Parilah M. Shah, (2010) Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus Bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan. AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education diambil melalui laman sesawang [http://journalarticle.ukm.my/1501/1/5-\\_Ghazali\\_Yusri\\_0\\_3.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1501/1/5-_Ghazali_Yusri_0_3.pdf) pada 28 Disember 2016

Guilford, J.P. (1956).*Fundamental Statsitics in Psychology and Education*. Now York: McGraw Hill.

Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi & Wan Suryati Wan Ahmad.(2008). *Pengaruh Sikap dan Demografi Ke atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian*



*di Universiti Malaya. Shariah Journal*, Vol. 16, No. 2 (2008) 1-23. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Katz, R. (1960). *The Functional Approach to the Study of Attitude*. Pub. Op. Quart.

Khalid Mohd Nor.(1993).*Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.

Khairul Anuar Mohamad.(2016).*Sistem Kawalan Kualiti Huffaz*. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran. Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016. 22-24 November 2016. Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor.

Kurikulum Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat (2014). Darul Quran JAKIM.

Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2014). *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*.Universiti Malaysia Sabah. Sabah.

Lightbown, P.M. & Spada, N. (1999). *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.

Misnan Jemali, Muhd. Akramin Kamarul Zaman dan Muhd Nadzir Ibrahim (2006). *Tahap Pencapaian Dalam Pengajaran al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah di Perak*, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, kod penyelidikan: 03-13-61-04

Mohamad Marzuqi Abd Rahim (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan al-Quran : Suatu Kajian Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Perkembangan Kurikulum). Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohamad Marzuqi Abd Rahim (2016). *Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Ayat Hafazan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar*

Tahfiz. *Technical and Social Science Journal*. Number. 5, Volume 1. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman (2012). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Di SMAP Kajang*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor

Mohamad Abdillah Royo & Zul Azli Bin Zainun (2010). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kualiti Keputusan Peperiksaan Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Baru*. diambil daripada [http://eprints.utm.my/11200/1/Faktor-Faktor\\_Yang\\_Mempengaruhi\\_Kualiti\\_Keputusan\\_Peperiksaan\\_Dalam\\_Mata\\_Pelajaran\\_Lukisan\\_Kejuruteraan\\_Di\\_Sekolah\\_Menengah\\_Teknik\\_Perdagangan\\_Johor\\_Bahru.pdf](http://eprints.utm.my/11200/1/Faktor-Faktor_Yang_Mempengaruhi_Kualiti_Keputusan_Peperiksaan_Dalam_Mata_Pelajaran_Lukisan_Kejuruteraan_Di_Sekolah_Menengah_Teknik_Perdagangan_Johor_Bahru.pdf) pada 25 Mei 2016. Universiti Teknologi Malaysia

Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014). *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden : Satu Kajian Awal*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014

Nunally, J.C. (1987). *Psychometric Theory*. New York: Mc. Graw Hill Book Company.

Nur Sofurah Mohd Faiz, Maziana Mohamed & Rosfaszlizah Zahit (2006). *Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang – Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran Seminar TVE*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Johor.

Oxford, R. L. and Shearin, J. (1994). *Language learning motivation: Expanding the theoretical framework*. *The Modern Language Journal*. Vol. 78, 12-28.

Shahrin Nizam Bin Abdul Aziz Dan Normala Binti Zulkifli (2014). *Faktor Kelemahan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas Di Peringkat Spm Di Sekolah-Sekolah Terpilih Di Negeri Johor*. World Conference on Integration of Knowledge (WCIK 2014), 15 - 16 September 2014, Bandung, INDONESIA. diambil daripada <https://worldconferences.net/proceedings/wcik2014/wcik%20paper%202014/040%20Shahrin%20Nizam%20Bin%20Abdul%20Aziz.pdf> pada 25 Jun 2016. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Subadrah Madhawa Nair dan Sakunthala Devi Gopal (2014). Kesan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Dan Minat Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pengajian Am. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. Vol. 29, 55-80, 2014. Universiti Sains Malaysia

Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid (2014). *Kajian Metodologi Hafazan al-Quran*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur

Sajjacholapunt, P., & Joy, M. S. (2014). *Exploring Patterns Of Using Learning Resources As A Guideline To Improve Self-Revision*. International Technology, Education and Development Conference. Valencia, Spain. Retrieved from [files.eric.ed.gov/fulltext/ED374704.pdf](http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED374704.pdf)

Taylor, S. J. & Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research method*. (2nd Ed.) New York: Wiley.

**edisi lama sesawang ini adalah sebahagian daripada kandungan kajian. Naskhah penuh laporan boleh diperolehi di Perpustakaan Darul Quran, Kuala Kubu Bharu, Selangor**

*Darul Quran Jakim*